

Pingat Emas & Ketiga Terbaik Kategori Pertandingan National Innovation And Invention Competition Through Exhibition 2018 (iCompEx'18)

Tahniah dan Syabas! Kepada Institut Latihan Perindustrian (ILP) Perai dari Jabatan Teknologi Automotif kerana memenangi Pingat Emas dan Tempat Ketiga Terbaik dalam Kategori Pengangkutan, Automotif & Penerangan menerusi projek inovasi "Mobile Alternator Tester" di Pertandingan "Innovation and Invention Competition Through Exhibition 2018" (iCompEx'18) anjuran Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) yang diadakan di Dewan Wawasan, Jitra, Kedah yang berlangsung selama 2 hari iaitu pada 22 hingga 23 Mac 2018.

Pasukan ILP Perai diwakili Khairul Fazhuwan Amanah, Mohd Affiza Zulkafli, Mahazailani Mahadi, Saiful Azrin Hamzah, Muhammad Hawari Othman dan Mohamad Hazli Mohamad Nor membawa pulang Sijil Penghargaan, Pingat Emas Dan Wang Tunai RM300.

Untuk maklumat, iCompEx melibatkan penyertaan Politeknik, Kolej Komuniti, Giat Mara, ILP, Institut Kemahiran Belia Negara, Institusi Pengajian Tinggi Awam Dan Swasta serta agensi kerajaan, swasta dan sekolah di seluruh negara. Malah, iCompEx sebelum ini telah berjaya menarik penyertaan banyak pihak dan diktirat dalam "The Malaysia Book of Records for organising the Largest Participation in a Innovation and Invention Competition" pada tahun 2015.

Diharapkan dengan kejayaan di pertandingan ini, Jabatan Teknologi Automotif akan menjadi platform terbaik bagi mengetengahkan idea yang berterusan untuk terus maju ke hadapan serta berusaha lebih gigih untuk mengukir kejayaan yang lebih besar pada masa akan datang.



Dengan kerjasama

MAI

PSDC

MAB



ADTEC KULIM untuk kali KELIMA kalinya memperolehi anugerah GOLD MEDAL di pertandingan ITEX 2018, terpilih mewakili Jabatan Tenaga Manusia (JTM) bersama 7 projek yang lain ke pertandingan dan pameran rekacipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX 2018) yang telah berlangsung selama 3 hari bermula pada 10 hingga 12 Mei 2018 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Turut bersama mewakili pasukan ILJTM ialah 7 projek lain yang di wakili oleh pasukan inovasi dari ADTEC KEMAMAN, ADTEC MELAKA, ILP kota Bharu, ILP Miri, ILP Perai, ADTEC JERANTUT, ADTEC TAIPING.

Kumpulan Inovasi ADTEC KULIM yang di wakili oleh En. Junaidi Bin Osman (Pensyarah), Pn. Azima Zuraiti Binti Abdul Aziz, Mohamad Hafizul Bin Maasan mempertaruhkan satu projek mekanikal untuk persaingan diantara keseluruhan projek inovasi dari pelbagai universiti, institusi penyelidikan, institusi pembelajaran, syarikat korporat, individu, rakan IP serta dari negara antarabangsa yang lain iaitu Taiwan, Thailand, Indonesia, Iran, Arab Saudi bagi merebut anugerah-anugerah seperti Patron Award, Asian Invention Cup 2018, Asian Young Inventors Cup, WIPO Award, IFIA Cup, ITEX Best Invention, ITEX 2018 Best Green Invention, ITEX & AYIE 2018 Medals, Malaysia Innovative Product Award, Malaysian Young Inventor Awards, Sponsor Awards dan akhir sekali International Awards

Persembahan projek inovasi oleh ADTEC Kulim telah berjaya memikat hati juri pertandingan ITEX tersebut dengan mempertaruhkan projek New Technology Device for Damping and Vibratio Protection System (J-TECH) seterusnya telah di anugerah GOLD MEDAL AWARD dari ITEX 2018 serta lebih manisnya juga projek juga telah di nobatkan sebagai BEST INVENTION (RESEARCH INSTITUTIONS). Kejayaan membawa pulang GOLD MEDAL ini adalah merupakan kejayaan ke-5 oleh ADTEC KULIM di persada inovasi . Pengiktirafan ini juga membuktikan bahawa projek inovasi hasil ciptaan ADTEC Kulim mampu memperolehi pengiktirafan antarabangsa dan seterusnya membuktikan bahawa projek yang dihasilkan di ADTEC Kulim adalah berkualiti dan bersatu antarabangsa.

Tahniah kepada ADTEC KULIM kerana telah berjaya mengharumkan nama JTM dan ADTEC Kulim di persada pengiktirafan antarabangsa didalam aspek inovasi dan penciptaan . Harapan ADTEC Kulim akan terus maju dan menempa lebih banyak kejayaan menerusi Inovasi di tahun-tahun yang mendatang.

ANUGERAH EMAS MILIK S-GO ILP JITRA

Buat pertama kali, kumpulan S-GO dari Bahagian Automotif ILP Jitra membuat penyertaan dalam Konvensyen Team Excellence (RTEX) Wilayah Utara 2018 anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang berlangsung di Bayview Beach Resort Penang pada 17-18 Julai 2018.

Kumpulan S-GO adalah penjenamaan semula kumpulan X-GO sebelum ini yang menampilkan projek inovasi X-GO versi 2.0 yang ditambah baik dengan penambahan motor yang berfungsi untuk menjana sumber angin dengan sendiri.

Kegunaannya juga diperluas dalam bidang Penyejkubkuhan dan Penyamanan Udara terutamanya ketika kerja-kerja servis unit penghawa dingin dibuat. Kegunaan dan fungsi-fungsi lain dikenalkan seperti sebelumnya.

Sebanyak 72 kumpulan dari 40 organisasi dari sektor awam dan swasta telah bertanding bagi kategori ICC (Innovative Creative Circle). Kumpulan S-GO telah mendapat Anugerah Emas dan berjaya layak ke Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (NTEX) 2018 pada bulan November nanti serta berpeluang mewakili Malaysia ke ICQCC 2019 di Tokyo, Jepun. Tahniah kepada Kumpulan S-GO.



Kumpulan S-GO adalah penjenamaan semula kumpulan X-GO sebelum ini yang menampilkan projek inovasi X-GO versi 2.0 yang ditambah baik dengan penambahan motor yang berfungsi untuk menjana sumber angin dengan sendiri.

Kegunaannya juga diperluas dalam bidang Penyejkubkuhan dan Penyamanan Udara terutamanya ketika kerja-kerja servis unit penghawa dingin dibuat. Kegunaan dan fungsi-fungsi lain dikenalkan seperti sebelumnya.

Sebanyak 72 kumpulan dari 40 organisasi dari sektor awam dan swasta telah bertanding bagi kategori ICC (Innovative Creative Circle). Kumpulan S-GO telah mendapat Anugerah Emas dan berjaya layak ke Konvensyen Team Excellence Peringkat Kebangsaan (NTEX) 2018 pada bulan November nanti serta berpeluang mewakili Malaysia ke ICQCC 2019 di Tokyo, Jepun. Tahniah kepada Kumpulan S-GO.

ni'INDICATOR PAPER' MENANG TIGA ANUGERAH DI NICERS' 18

Institut Latihan Perindustrian Ipoh telah menyertai Pertandingan National Invention and Innovation Conference Exhibition and Robot - Sumo Competition (NICERS' 18) di Politeknik Sultan Bahiyah Kedah pada 9 hingga 11 Julai 2018 yang lalu. Projek 'Indicator Paper' dari Bahagian CADD Mekanikal (Pembuatan) telah memenangi 3 anugerah dalam pertandingan ini iaitu 'Special Award', 'Best Innovation (Profesional)' dan Pingat Emas. Selain itu, ILP Ipoh turut memenangi 2 lagi pingat emas dan 1 pingat perak dalam pertandingan ini.

N-SAIID 2018

ILP Kangar telah menyertai Pertandingan National Student Affairs Invention, Innovation and Design Competition (N-Saiid) 2018 anjuran Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cabang Merbok, Kedah pada 28 Mac 2018. Sebanyak 5 projek inovasi telah dipertandingkan di mana ILP Kangar telah berjaya merangkul 2 pingat emas melalui projek Safety Lock dan Mesin Pemisah Jagung Cekap di samping 2 pingat Perak dan 1 pingat Gangsa. Pertandingan ini disertai oleh 25 orang pelajar daripada Kursus Teknologi Pembuatan (Pemesinan), Teknologi Pengyergangan Mekanikal, Teknologi Fabrikasi Logam dan Teknologi Instrumen Perindustrian. Penyertaan pelajar ini bukan semata-mata untuk pertandingan sahaja tetapi turut memberi pendekaran kepada pelajar mengenai teknologi masa kini.

Program LUKISAN MURAL & GOTONG ROYONG

Pada 6 Ogos 2018, Guru Besar SK Taman Impian dan Pengarah ILPAPNT telah bersetuju untuk menandatangani dokumen "Program Jalinan Pendidikan" sebagai satu usahasama dan sumbangan kepakaran ILPAPNT kepada SK Taman Impian.

Pada 10 Ogos 2018, sepasukan tenaga pengajar dan pelajar ILPAPNT telah pergi ke SK Taman Impian bagi memulakan kerja-kerja lukisan mural di sekolah tersebut. Pada hari tersebut, pasukan sukarelawan ILPAPNT telah berhasil melukis draf pemandangan seperti yang dicadangkan oleh pihak sekolah. Tema bagi program ini adalah penjagaan alam sekitar bagi pelaksanaan Program Sekolah Hijau 2018.



Pada 11 Ogos 2018, sepasukan sukarelawan ILPAPNT yang disertai oleh 30 orang pelajar dan 5 orang pegawai telah hadir bagi memeriahkan acara perasmian bagi program tersebut. Acara perasmian disempurnakan oleh ADUN Machang Bubuk, YB Lee Khai Loon. Seterusnya aktiviti gotong royong dijalankan. Para sukarelawan membuat aktiviti berkebun mengelat bahu jalan dan mewarna mural. Aktiviti lukisan mural disambung pada




Program CSR bersama team Jerai Geo Park

Team CSR
ILP Kepala Batas



PERTANDINGAN RERO PERINGKAT NEGERI PERAK



KOGAS TETAP BERI SAINGAN

Pada 19 hingga 22 April 2018, ADTEC Kulim telah menyertai pertandingan ROBOCON Malaysia 2018 yang telah diadakan di Dewan Seri Sarjana, UNITEN. Sebanyak 36 kumpulan yang terdiri daripada universiti, institut latihan awam dan swasta seluruh Malaysia telah menyertai pertandingan ini.

Pasukan daripada ADTEC Kulim telah diwakili oleh pelajar-pelajar dari bahagian mekatronik dan mekanikal dengan membawa ciptaan yang diberi nama robot Kogas. Walau bagaimanapun, robot Kogas terpaksa akur setelah tewas di tangan pasukan naibjuara Robocon 2018 diperingkat suku akhir. Pasukan robot Kogas telah membawa pulang wang saguhati bernilai RM 1000 serta pengalaman yang amat berharga untuk terus memberikan saingan sengit pada pertandingan robocon akan datang.



Syarikat ECO MEDI GLOVE ↓

Lawatan kerja ADTEC Taiping ke Syarikat Eco Medi Glove iaitu syarikat pengeluar sarung tangan perubatan (Medical Gloves). Lawatan bertujuan untuk mengadakan sebarang kolaborasi dan kerjasama industri



JARINGAN KERJASAMA ILJTM BANTU PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN DI WILAYAH UTARA ↓

Alor Setar - Lawatan perbincangan kerjasama latihan telah dijalankan secara bersama Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu Kedah dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kedah. Lawatan ini dijalankan secara bersama-sama pasukan ILJTM Kedah dan Perlis yang terdiri daripada ADTEC Kulim, ILP Kangar dan ILP Jitra. Perbincangan ini berkisar mengenai cara untuk membantu ahli dewan perniagaan mendapatkan tenaga mahir yg diperlukan serta input untuk penambahbaikan dalam latihan di institut kemahiran.

